

18 JUNE 2004

Koh-Pajakan

ISU AMAUN PAJAKAN SEBERANG PERAI PERLU DIBINCANG DENGAN K'JAAN PUSAT

PULAU PINANG, 18 Jun (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon berkata isu mengenai amaun pajakan kekal Seberang Perai kepada kerajaan negeri Kedah sepatutnya dikemukakan kepada kerajaan persekutuan.

Beliau berkata ini kerana bayaran berkenaan perkara itu dibuat oleh kerajaan persekutuan dan bukannya kerajaan negeri Pulau Pinang.

Ini merupakan sebahagian daripada perjanjian yang dibuat ketika negara mencapai kemerdekaan apabila kerajaan persekutuan mengambil alih kuasa daripada kerajaan British dan ia termaktub dalam Perlembagaan negara, katanya pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

Katanya kerajaan negeri Pulau Pinang bersedia berbincang dan berunding mengenai kajian semula bayaran amaun itu jika kerajaan persekutuan mengadakan perbincangan seumpama itu.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad supaya Kedah meminta Pulau Pinang mengkaji semula bayaran honorarium RM10,000 setahun yang diberikan kepada kerajaan negeri Kedah.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bayaran sebanyak itu tidak lagi bersesuaian dengan nilai sekarang kerana perjanjian pembayaran itu dibuat semasa penjajahan British ketika Pulau Pinang dan Seberang Perai diambil daripada Kedah.

Dr Koh percaya kenyataan Dr Mahathir itu dibuat secara berseloroh dan tidak mahu orang ramai berasa bimbang dan mempunyai tanggapan bahawa Pulau Pinang dan Seberang Perai akan diambil balik oleh Kedah.

Ketua Menteri juga berkata perkara itu bukan merupakan isu besar dan sejak sekian lama, Pulau Pinang telah banyak menyumbang sama ada secara langsung atau sebaliknya kepada pembangunan ekonomi negeri Kedah.

Katanya ketika Pulau Pinang membangunkan industri elektroniknya pada tahun 1970-an, nikmat daripada perkembangan itu turut melimpah ke

negeri
Kedah terutamanya pembangunan sektor perkilangan di Sungai Petani
dan
Kulim.

"Apabila Pulau Pinang menghadapi masalah kekurangan tenaga pada
era
kemuncak sektor berkenaan sekitar tahun 1990-an, kerajaan negeri
telah
menganjurkan kilang-kilang yang mahu meluaskan operasi mereka untuk
membuka
kilang mereka di Kedah," katanya.

Kesemua ini, katanya, dilakukan dalam konteks Jawatankuasa
Pembangunan
Wilayah Utara yang ditubuhkan pada awal 1991 dan Pulau Pinang
sentiasa
meneruskan dasar memakmurkan jiran seperti mana yang disarankan oleh
Dr
Mahathir semasa beliau menjadi Perdana Menteri.

Mengenai pengambilan air yang belum dirawat dari Sungai Muda,
Ketua
Menteri berkata adalah tidak sesuai Pulau Pinang dikenakan bayaran
kerana
sungai itu adalah sungai bersama kerana bahagian hulunya terletak
dalam
Kedah manakala sebahagian besar bahagian hilirnya melalui negeri
ini.

Katanya tiada sebarang kos ditanggung oleh Kedah dalam hal
pengambilan
air yang belum dirawat dari Sungai Muda dan pengepaman air dibuat
oleh
negeri ini apabila berlaku limpahan air pada waktu banjir di sekitar
kawasan sungai itu.

"Pulau Pinang dan Kedah juga perlu menangani bersama soal banjir
akibat
limpahan Sungai Muda ini dan perkara ini tidak harus dijadikan isu
kerana
kedua-dua negeri ini ibarat dua beradik yang saling membantu,"
katanya.

-- BERNAMA
ZU NH RHM